

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]

SOALAN NO. 487

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan menyenaraikan (mengikut negeri) klinik-klinik Kerajaan yang terletak dalam lingkungan 3km daripada penempatan Bumiputera (kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak), serta rancangan untuk membina klinik baru bagi kampung/penempatan yang lain. Apakah perancangan dan bilakah Kementerian Kesihatan untuk menaik - taraf Klinik Desa Kpg Bunuk dan Klinik Desa Krokong, Bau yang usang dan daif.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan klinik statik dan juga pasukan klinik bergerak ke kawasan-kawasan pedalaman di mana penduduk mempunyai kesukaran akses untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dari klinik statik.

Di Sabah, terdapat 42 pasukan klinik bergerak yang menyediakan perkhidmatan ini melalui darat (35 pasukan), air (5 pasukan) dan udara (2 pasukan). Empat (4) daripada lima (5) pasukan klinik bergerak melalui air menyediakan perkhidmatan menggunakan bot yang telah diubah suai menjadi sebuah klinik iaitu di Semporna (1) dan Sungai Kinabatangan (1). Manakala penduduk di kawasan Keningau, disediakan perkhidmatan kesihatan menggunakan sebuah bas yang diubahsuai menjadi klinik.

Bagi klinik statik pula, di seluruh Sabah, kini terdapat 333 buah klinik yang meliputi Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu Anak, Klinik Desa dan Klinik Komuniti.

NO SOALAN : 487

Di Sarawak, jumlah pasukan klinik bergerak adalah sebanyak 103. Pasukan ini menyediakan perkhidmatan kesihatan melalui darat (65 pasukan), air (29 pasukan) dan udara (9 pasukan). Perkhidmatan Doktor udara disediakan bagi kawasan yang sukar dihubungi dengan kemudahan pengangkutan darat atau pun air ke kawasan pedalaman.

Bagi klinik statik pula, di seluruh Sarawak, kini terdapat 274 buah klinik yang meliputi Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu Anak, Klinik Desa dan Klinik Komuniti.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa giat berusaha untuk menaik taraf perkhidmatan kesihatan di kesemua fasilitinya. Klinik Kesihatan Bunuk ini telah pun dibuat pelbagai penambahbaikan prasarana, perkhidmatan dan juga penambahan pegawai perubatan untuk memastikan perkhidmatan berkualiti diberikan kepada penduduk sekitarnya. Manakala, Klinik Kesihatan Krokong yang pada mulanya berfungsi sebagai Klinik Desa namun telah dinaiktaraf kepada Klinik Kesihatan pada tahun 2013. Sehingga kini, klinik-klinik ini berupaya daripada segi prasarana dan tenaga kerja untuk menampung keperluan kesihatan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.